



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**20 Oktober 2022  
Rabiulawal 1444H**

<b>SENARAI AKHBAR</b>	<b>TAJUK</b>
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Labuh tukun, unjam
Kosmo !	• Bekalan ikan musim tengkujuh masih cukup
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
The Sun	• 130 artificial reefs planted off Johor
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	1	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		4	20/10/22

## 130 artificial reefs planted off Johor

**MERSING:** A total of 130 artificial reefs, or "tukun", costing RM5.1 million have been anchored since 2007 to enhance biology productivity and fishery resources in the waters off Johor.

State Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Datuk Zahari Sarip said the programme was among the Johor government's efforts to increase marine resources so as to ensure national food security.

"We are committed to our efforts in ensuring that our goals of preserving the environment and conserving resources and maintaining fisheries biodiversity can be achieved.

"However, there are differences in the functions of reefs, that are used for conservation and meant to prevent trawler incursions, while the 'unjam' is a device for the purpose of shoaling to facilitate fishing operations and recreational fishing," he said in a statement yesterday.

Nine conservation tukun worth RM280,000 and 200 units of "unjam" valued at RM200,000 have been placed in Johor waters this year.

Zahari was on a working visit to an implemented by the state fisheries Department with the cooperation of the Pulau Besar, Pulau Aur and Pulau Pemanggil communities. - Bernama

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18 29/10/22		



**BEKALAN** ikan untuk kegunaan di seluruh negara masih mencukupi kecuali pada musim-musim tertentu. – GAMBAR HIASAN

## Bekalan ikan musim tengkujuh masih cukup

**KOTA TINGGI** – Sumber ikan negara masih mencukupi untuk kegunaan orang ramai pada musim tengkujuh.

Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Mohd. Sufian Sulaiman berkata, data menunjukkan ikan masih ada di kawasan perairan negara ditambah pula dengan pelbagai usaha dilakukan untuk menambah pembiakan hidupan marin tersebut.

“Kalau bekalan berkurangan ia mungkin disebabkan nelayan tidak dapat menangkap ikan dalam jumlah banyak.

“Memang musim tengkujuh nelayan tak dapat tangkap ikan. Nelayan juga diberikan kursus untuk ternak ikan sangkar, dalam kolam dan membaiki enjin membaiki bot,” katanya pada

Majlis Penyerahan Sijil MyGAP Hatcheri di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Mas, di sini semalam.

Menurut Mohd. Sufian, setakat ini tidak berlaku kekurangan bekalan yang ketara kecuali pada musim tertentu.

“Ada musimnya ikan tiada. Nampak ketara ketika pandemik Covid-19 apabila nelayan tidak turun ke laut. Namun, selepas dibenarkan, dapat hasil banyak.

“Maknanya kena beri masa ikan membiak. Saya cadangkan nelayan membuat perancangan mungkin seminggu sekali atau sebulan tiga empat hari tidak ke laut yang mana akan menambah pembiakan pelbagai spesies ikan,” katanya.



JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		24	
							20/10/22	

# Labuh tukun, unjam

Sejak 2007 tukun, unjam RM5.1 juta dilabuhkan di perairan Johor

Oleh Izz Laily Hussein  
am@hmetro.com.my

## Mersing

Tahun ini, sebanyak sembilan unit tukun konservasi bernilai RM280,000 dan 200 unit unjam bernilai RM200,000 sudah dilabuhkan di perairan Johor bagi meningkatkan hasil perikanan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, Program Melabuh Unjam dan Tukun itu dilaksana Jabatan Perikanan Negeri Johor dengan kerjasama komuniti Pulau Besar, Pulau Aur dan Pulau Pemanggil di sini.

“Sejak 2007, unjam dan tukun yang mencecah nilai RM5.1 juta sudah dilabuhkan di perairan Johor.

“Unjam dan tukun ini adalah usaha kerajaan bagi meningkatkan sumber perikanan bagi tujuan sekuriti makanan negara,” katanya dalam kenyataan di sini.

Menurut Zahari, fungsi tukun dan unjam berbeza, yang mana tujuan utama tukun konservasi adalah untuk mencegah pencerobohan nelayan pukat tunda, manakala unjam bertindak sebagai peranti pengumpulan ikan bagi membantu operasi menangkap ikan dan perikanan rekreasi.

Katanya, protokol pembinaan tukun adalah mengikut Piawaian British 8110 yang mana penutup konkrit hendaklah sekurang-kurangnya



KERJA melabuhkan tukun konservasi dan unjam di perairan Johor. - Gambar Ihsan Jabatan Perikanan

setebal 50 milimeter (mm).  
“Ujian konkrit kiub dijalankan selepas tujuh dan 28 hari pembinaan dan ujian regangan besi tetulang tu-

rut akan dijalankan di makmal Sirim.

“Tukun yang baharu dibina akan dibiarkan selama 28 hari untuk mengeras dan

ketika melabuh, kami menggunakan kaedah secara jatuh bebas dengan kekuatan kren 50 hingga 500 tan,” katanya.